

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

KAJIAN TERHADAP STATUS PENDIDIKAN MUZIK DI SEKOLAH MENENGAH
MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

CADANGAN KAJIAN BAGI MEMENUHI SYARAT BAGI IJAZAH SARJANA
MUDA PENDIDIKAN SENI MUZIK (KEPUJIAN)

FAKULTI PENDIDIKAN

DISEDIAKAN OLEH

HASNI BT OTHMAN

2000208519

SHAH ALAM

SESI JUN 2000

GLOSARI

Alim ulamak bermaksud mereka yang taat berilmu dan berpengetahuan dalam hal-hal keagamaan

Ahli Khumur bermaksud peminum arak.

Al-Lahwu bermaksud perbuatan kosong.

Al-Musiqa bermaksud muzik.

Al-Muallim al-Thani bermaksud guru kedua.

Azan bermaksud seruan mengerjakan sembahyang.

Batil bermaksud sesuatu perkara yang tidak baik atau tercela.

Baitullah bermaksud rumah Allah s.w.t iaitu merujuk kepada kaabah atau kiblat orang-orang Islam bersembahyang

Berkhutbah bermaksud berceramah.

Daif bermaksud lemah. Kalau disandarkan kepada hadith ia merupakan hadith yang boleh diingkari.

Fatwa bermaksud kenyataan yang dikeluarkan oleh seseorang yang pakar dalam permasalahan hukum agama.

Fasiq bermaksud perbuatan yang tercela, dilarang daripada melakukannya.

PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah S.W.T. Selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah s.a.w, kaum keluarga, para sahabat dan orang-orang yang mengikut jejak-langkahnya. Syukur Alhamdulillah berkat dengan limpah kurnia Allah s.w.t akhirnya penulisan tesis ini dapat disiapkan. Buat Ibu dan keluarga tercinta segala pengorbanan, dorongan dan nasihat yang kalian curahkan sentiasa diingatan. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya. Dr.Ramona Mohd Tahir yang bersusah-payah membimbing saya dalam penulisan tesis ini. Segala susah- payah, bimbingan dan tunjuk ajar dalam melaksanakan tesis ini hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalasnya. Begitu juga dengan para tokoh-tokoh yang telah meluangkan masa dan memberi kerjasama semasa sesi wawancara dijalankan, tanpa mereka sudah pasti penulisan tesis ini tidak dapat disiapkan. Tidak lupa juga kepada kawan-kawan seperjuangan yang banyak memberi dorongan dan membantu saya semasa tesis ini dijalankan. Segala sokongan dan pengalaman manis dan suka-duka dengan anda semua tidak akan dilupakan.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN

GLOSARI. iii

BAB

1 PENGENALAN.	1
Latar Belakang	1
Muzik di sekolah menengah.	7
Tujuan.	9
Kaedah	11
Organisasi Kajian	12
2 KAJIAN LITERATUR.	14
Sumber-sumber dari Al-Quran	15
Sumber-sumber dari Hadis	18
Pandangan Ulamak mengenai muzik	23
Fatwa-fatwa di Malaysia	31
3 PENILAIAN TOKOH-TOKOH AGAMA ISLAM TERHADAP KEWUJUDAN PENDIDIKAN MUZIK.	33
Soalan 1.	36

BAB 1

PENGENALAN

Latar Belakang

Muzik boleh ditakrifkan sebagai bunyi yang menghasilkan bentuk dan irama yang indah dan menyenangkan. Kebanyakan ahli muzikologi dan ahli etnomuzikologi mengistilahkan muzik sebagai seni dan sains yang memadukan bunyi nada suara atau bunyi alat bagi membentuk berbagai-bagai pernyataan yang memuaskan emosi, estetika dan struktur sistem kepercayaan asas budaya (Mustafa Haji Daud, 1998).

Muzik adalah salah satu cabang seni atau dalam bahasa Inggerisnya disebut “art” (Haji Abdul Ghani Samsudin, Ishak Haji Sulaiman, Engku Ibrahim Ismail, 1992). Jika ditinjau dari segi makna literalnya, ianya bermaksud halus, indah, atau permai. Dari segi istilah, seni ialah segala yang halus dan indah lagi menyenangkan hati serta perasaan manusia, tidak kira samada ianya merupakan hasil ciptaan Allah mahupun yang dihasilkan oleh fikiran, kemahiran, imaginasi dan perbuatan manusia. Dalam pengertian yang lebih padu ia membawa nilai halus, indah, baik dan suci, berguna dan bermanfaat kepada manusia. Dengan lain perkataan, seni mempunyai fungsi dan nilai sosial (Haji